

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA****PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dalam gred/kelas dan kategori/pengkhususan/jenis pendaftaran/kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi menyertai sebutharga kerja yang berikut:

NO. SEBUTHARGA	PERKARA	GREDE/ KATEGORI/ KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
PDR.51/2020	BAIK PULIH DAN NAIK TARAF BALAIRAYA KG MIKU PINDAH SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	G1 B04 (Kerja-kerja Pembinaan Bangunan) & GE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) (Daerah Rembau)	RM30.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	TIDAK DIWAJIBKAN	Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah dan Tanah Rembau Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau 71309 Rembau Negeri Sembilan Darul Khusus <u>Tarikh :</u> 23 Jun 2020 (Selasa) hingga 29 Jun 2020 (Isnin) <u>Masa :</u> (Isnin – Khamis) 8.30 pagi – 3.00 petang (Jumaat) 8.30 pagi – 12.00 tengah hari	30 Jun 2020 (Selasa) Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari di Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah dan Tanah Rembau Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau 71309 Rembau Negeri Sembilan Darul Khusus

2. Lawatan Tapak **TIDAK DIWAJIBKAN** semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Taklimat Sebut Harga boleh diperolehi di dalam laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Rembau di pautan <http://rembau.ns.gov.my/>
3. Kontraktor disarankan melawat sendiri tapak projek bagi mendapatkan maklumat lebih tepat untuk menyediakan tawaran sebut harga. Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan sosial sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.
4. Semasa membeli borang sebut harga, kontraktor hendaklah membawa bersama Kad Pengenalan, Cop Syarikat dan surat / sijil **ASAL** yang berikut:
- Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK-CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU
 - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan)
 - Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor / Pembekal Pejabat Daerah dan Tanah Rembau
5. Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang berlakri dan ditulis No.Sebut Harga serta Tajuk Sebut Harga di penjuru atas sebelah kiri sampul. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat seperti di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
6. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini. Keputusan sebut harga adalah **muktamad**.
7. Adalah diingatkan bahawa kegagalan kontraktor mematuhi arahan-arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap tawaran sebut harga kontraktor akan terjejas
8. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan pejabat ini melalui talian 06-6851225 dari pukul 8.30 pagi hingga 3.00 petang..



(AMIN JAMAL BIN THAMIMUL ANSARY)

b.p. Pegawai Daerah Rembau
Pejabat Daerah dan Tanah Rembau

Tarikh: 18 Jun 2020